

20/09/1999

Zaman 'anggu' orang asing sudah berakhir

INGATAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa rakyat seharusnya tidak malu mengakui kebolehan diri dan keistimewaan negara ini, perlu dilihat dari kaca mata untuk meningkatkan maruah negara. Dr Mahathir berhak bercakap mengenai perkara itu kerana beliau adalah yang bertanggungjawab mengubah sikap rendah diri rakyat selama ini dan memberanikan diri ke persada lebih tinggi bagi membolehkan rakyat Malaysia berdiri sama tinggi dengan masyarakat antarabangsa yang lain. Dr Mahathir juga bertanggungjawab menganjak minda masyarakat supaya keluar daripada kepompong tradisi dalam konteks untuk memajukan negara dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Sebenarnya, tugas untuk mengubah sikap rakyat bukanlah mudah. Ia memerlukan banyak eksperimen disebabkan ada pihak ingin mengambil kesempatan. Contohnya, ketika Dr Mahathir mempopularkan Konsep Pandang ke Timur, beliau menerima kecaman yang teramat hebat. Namun, beliau tetap dengan pendiriannya. Beliau yakin bahawa konsep itu boleh membawa kebaikan kepada rakyat dan negara. Sekarang terbukti, sudah banyak teknologi yang dipelajari rakyat. Hari ini tidak siapa berani mencela bahawa konsep itu tidak mendatangkan faedah kepada rakyat. Menerusi beberapa teknologi canggih yang dibawa melalui konsep itu, Malaysia bukan saja dapat mewujudkan pekerjaan kepada rakyat, malah industri dalam pelbagai bidang teknologi kian berkembang. Semua ini berlaku kerana asasnya sudah cukup. Rakyat tidak lagi takut kepada teknologi kerana ia sudah menjadi sebahagian daripada cara hidup rakyat - bekerja dengan menggunakan kemajuan teknologi. Seandainya Dr Mahathir tidak tabah menghadapi kritikan pihak tertentu dalam negara ketika itu, Malaysia hari ini mungkin masih lagi terkapai-kapai mencari arah untuk memajukan diri.

Hari ini, negara asing bukan saja melihat Malaysia sebagai kuasa baru ekonomi, malah idea rakyat negara ini boleh mengubah persepsi dunia. Dr Mahathir sudah membuktikan bahawa Malaysia boleh memberi sumbangan kepada keamanan dan kemakmuran dunia. Baru-baru ini, Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang bersidang di Auckland, New Zealand, dianggotai negara-negara kuasa besar dunia, mengakui sumbangan Malaysia bagi membetulkan kepincangan pasaran kewangan. Hari ini satu demi satu rakyat negara ini sudah diiktiraf untuk memainkan fungsi mereka di peringkat antarabangsa. Terbaru ialah pelantikan Ketua Pengarah Bahagian Kajian Sains Angkasa (Baksa), Prof Datuk Dr Mazlan Othman sebagai wanita pertama dari negara membangun mengetuai Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk Kajian Angkasa Lepas berpangkalan di Vienna, Austria. Apakah rakyat pernah terfikir bahawa hari ini sudah ada rakyat negara ini yang diberi pengiktirafan yang begitu tinggi. Bidang yang diberi kepercayaan kepada Mazlan bukanlah bidang yang mudah. Tentunya pelantikan itu dibuat setelah mengambil kira pelbagai faktor dan meyakinkan mereka bahawa rakyat Malaysia boleh melakukannya. Semua ini didorong oleh semangat jati diri dan keyakinan yang tinggi. Jika rakyat masih lagi takut untuk mara, tidak akan ada negara lain mengiktiraf kemampuan rakyat negara ini.

Walaupun sudah banyak perubahan dilakukan, memanglah menjadi adat manusia, masih ramai yang bersikap terlalu merendah diri. Mereka tidak berani menonjolkan diri kerana beranggapan serba kekurangan. Sikap seperti ini tidak sepatutnya wujud kerana Malaysia bukan lagi sebuah negara yang bergantung kepada bantuan asing. Malaysia boleh hidup tanpa perlu meminta sedekah. Rakyat sepatutnya berbangga kerana ketika saat-saat sukar pun, kerajaan tidak perlu meminta pertolongan institusi asing seperti Tabung

Mata Wang Antarabangsa (IMF). Malah, Malaysia hari ini sudah pun mampu memberi bantuan kepada negara-negara yang memerlukan, bukan saja dari segi kewangan malah kepakaran, latihan dan teknologi. Ini menunjukkan kemampuan Malaysia diiktiraf oleh banyak negara. Mereka sering menjadikan Malaysia sebagai model pembangunan.

Setiap individu seharusnya bersemangat waja sebagaimana diharapkan oleh negara. Jika berada di tengah-tengah masyarakat yang berbilang kaum dari seluruh dunia sama ada kursus, seminar dan sebagainya, setiap mereka perlulah ke hadapan dan jika boleh menjadi pembimbing, bukan pengikut. Di arena antarabangsa, taraf Malaysia perlu ditingkatkan. Setiap rakyat harus berhujah dengan berani demi menegakkan kebenaran. Zaman rakyat Malaysia untuk mengangguk sekadar mengiyakan pendapat orang lain, sudah berakhir.

(END)